PERFECT CHANNEL SDN BHD

lwn.

AZMI AHMAD & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR SETAR
ABU BAKAR KATAR PK
[RAYUAN BURUH NO: 16NCVC-2-4-2013]
25 NOVEMBER 2013

UNDANG-UNDANG BURUH: *Pekerjaan - Penamatan perkhidmatan - Syarikat mengalami kerugian dan terpaksa menutup operasi - Penamatan perkhidmatan pekerja-pekerja dengan membayar gaji akhir - Potongan wang pendahuluan perumahan daripada bayaran akhir - Pegawai Pendengar Pejabat Tenaga Kerja memutuskan potongan tidak sah - Rayuan ke Mahkamah Tinggi - Prosedur yang harus diikuti - Sama ada bayaran faedah penamatan kerja termasuk dalam takrifan 'upah' - Sama ada boleh dipotong bagi maksud wang pendahuluan pinjaman rumah - Sama ada majikan boleh membuat potongan daripada bayaran faedah penamatan kerja*

Responden-responden merupakan pekerja-pekerja Perwaja Steel Sdn Bhd yang kemudiannya telah diambil alih oleh perayu melalui penstrukturan semula syarikat. Pekerjaan responden-responden telah diteruskan tanpa sebarang kehilangan gaji, faedah-faedah dan perkhidmatan. Namun begitu, selepas dua tahun mengalami kerugian, perayu terpaksa menutup operasi syarikatnya dan menamatkan perkhidmatan kesemua 121 responden dengan bersetuju untuk membayar gaji sehingga 21 Mac 2012 seperti yang diperuntukkan di bawah s. 12 Akta Kerja 1955 ('Akta'). Perayu telah membuat potongan wang pendahuluan perumahan ('potongan tersebut') daripada bayaran akhir yang telah menyebabkan responden-responden tidak berpuas hati dan memfailkan aduan kepada Pejabat Tenaga Kerja ('PTK). Oleh kerana tidak mencapai sebarang persetujuan, PTK telah memutuskan bahawa potongan tersebut adalah tidak sah dan mengarahkan perayu membayar balik RM885,534.73 kepada responden-responden. Tidak berpuas hati, perayu memfailkan rayuan ini. Isu yang timbul adalah (i) prosedur yang harus diikuti apabila terdapat rayuan ke Mahkamah Tinggi melibatkan keputusan PTK di bawah s. 77 Akta; (ii) sama ada bayaran faedah penamatan kerja termasuk dalam takrifan 'upah' di bawah s. 2 Akta dan boleh dipotong bagi maksud wang

pendahuluan pinjaman rumah responden-responden; dan (iii) sama ada perayu boleh membuat potongan tersebut daripada bayaran faedah penamatan kerja pekerja-pekerja.

Diputuskan (membenarkan rayuan):

(1) Terdapat perbezaan ketara antara Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dengan Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KKMT') iaitu cara memfailkan rayuan. Menurut KKMT, rayuan difailkan melalui usul sebaliknya di bawah KKM, ia perlu dimulakan melalui saman pemula. Prosedur rayuan sivil dari Mahkamah Sesyen berbeza dengan prosedur saman pemula. Prosedur rayuan sivil daripada Mahkamah Rendah yang diperuntukkan di bawah A. 55 KKMT terpakai dan bukannya secara saman pemula mengikut A. 55A KKM apabila terdapat rayuan ke Mahkamah Tinggi melibatkan keputusan PTK di bawah s. 77 Akta. (perenggan 11, 13 & 17)

(2) Faedah penamatan kerja tidak termasuk dalam takrifan 'upah' seperti yang ditakrifkan di bawah s. 2(b) Akta. Majikan dibenarkan membuat potongan daripada upah pekerja bagi wang pendahuluan yang diberikan di bawah s. 22 Akta dan ini telah dipersetujui oleh responden-responden dalam terma-terma dalam perjanjian kontrak. Di bawah perjanjian kontrak, sebarang baki wang pendahuluan boleh ditolak daripada wang pampasan persaraan awal secara sukarela. Namun begitu, perjanjian kontrak tidak memperuntukkan keadaan apabila perayu menghentikan operasinya. (perenggan 22, 24 & 25)

(3) Perkataan 'wages' di bawah s. 24(9) Akta tidak termasuk bayaran faedah penamatan kerja. Perayu boleh mendapatkan semula bayaran wang pendahuluan rumah melalui tindakan sivil dan bersandarkan perjanjian kontrak. Perayu tidak boleh memilih jalan mudah atau pintas dengan mengambil kesempatan daripada bayaran faedah penamatan dan membuat potongan tersebut. (perenggan 27 & 28)

(4) Rayuan oleh perayu mengikut peruntukan s. 77 Akta adalah mengikut prosedur rayuan sivil daripada Mahkamah Sesyen iaitu A. 55 KKM. Mahkamah ini seolah-olah mendengar rayuan sivil daripada Mahkamah Rendah iaitu secara re-hearing sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 29 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('AMK'). Perayu masih boleh

membangkitkan isu ini walaupun ia tidak dibangkitkan di hadapan Pegawai Pendengar PTK berdasarkan peruntukan s. 29 AMK. (perenggan 30 & 31)

(5) Beberapa responden yang berpendapatan melebihi RM2,000 tidak termasuk dalam takrifan 'pekerja' bagi maksud s. 2 Akta. Sehubungan itu, peruntukan s. 24 Akta tidak terpakai atas perayu dan ia dibenarkan membuat potongan tersebut daripada bayaran akhir faedah penamatan pekerja. (perenggan 29)

Kes-kes yang dirujuk:

Abaco Estate v. Selvarajah Thamboo [1985] 1 CLJ 84; [1985] CLJ (Rep) 362 HC ***(dirujuk)***

Chai Yen v. Bank Of America National Trust & Savings Association [1980] 1 LNS 6 FC ***(dirujuk)***

Robert Lee & Anor v. Wong Ah Yap & Anor [2007] 4 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***

Syarikat Maltaco Sdn Bhd v. Eow Teh Yu & Ors [1985] 2 CLJ 120; [1985] CLJ (Rep) 307 SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Courts of Judicature Act 1964, s. 29

Employment Act 1955, ss. 2, 12, 22(1)(i)(a), (b), 24(8), (9)(b), 69B, 77

Rules of Court 2012, O. 49, O. 55A

Rules of the High Court 1980, O. 55 r. 13

Bagi pihak perayu - TM Varughese; T/n TM Varughese & Co
Bagi pihak responden-responden - Palaniappan Ramasamy; T/n Palani

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar PK:

[1] Responden-responden (seramai 121 orang) pada asalnya merupakan pekerja-pekerja Perwaja Steel Sdn Bhd dan pelantikannya mulai tarikh-tarikh yang berbeza (ms. (103-312) (rekod rayuan) ("RR") (ikatan A dan B) dan ms. (443-445) RR (ikatan B)).

[2] Pada bulan September 2006, pengurusan Perwaja Steel Sdn Bhd telah diambilalih oleh Perfect Channel Sdn Bhd ("Perayu") melalui penstrukturan semula syarikat. Perayu telah meneruskan

pekerjaan semua responden tanpa apa-apa kehilangan gaji, faedah-faedah dan perkhidmatan yang berterusan (sebagai contoh ms. (436) RR ikatan A).

[3] Semua responden telah menerima perubahan syarikat dan meneruskan untuk bekerja dengan perayu mulai September 2006. Perayu selepas mengambilalih operasi telah sedaya upaya untuk memulihkan keadaan syarikat. Perayu selepas dua (2) tahun mengalami kerugian yang besar akibat kemerosotan perniagaan. Perayu akhirnya tidak mempunyai pilihan lainnya melainkan menutup operasi syarikatnya.

[4] Perayu melalui surat bertarikh 20 Mac 2012 yang ditandatangani oleh Encik Tan Yee Khai, Ketua Pegawai Operasi telah menamatkan perkhidmatan semua pekerjanya termasuk 121 orang yang menjadi hal rayuan di hadapan mahkamah ini. Perayu bersetuju membayar gaji sehingga 21 Mac 2012, bayaran gaji notis mengikut s. 12 Akta Kerja 1955 ("Akta itu"), faedah penamatan perkhidmatan dan baki cuti yang tidak diambil dan ianya tertakluk kepada potongan daripada bayaran akhir.

[5] Perayu telah mengeluarkan kos sebanyak RM9 juta sebagai bayaran akibat penamatan perkhidmatan semua pekerja. Perayu telah membuat potongan wang pendahuluan perumahan daripada bayaran akhir yang melibatkan semua responden (121 orang) berjumlah RM1.27 juta. Responden-responden yang tidak berpuashati dengan tindakan perayu membuat potongan wang pendahuluan perumahan daripada bayaran akhir telah memfailkan aduan kepada Pejabat Tenaga Kerja, Sungai Petani mengikut peruntukan s. 69/69B Akta itu (Kes Saman Ketua Pengarah Tenaga Kerja Sungai Petani No: 2012/111).

[6] Selepas pihak-pihak gagal mencapai sebarang persetujuan berkaitan aduan yang difailkan, perbicaraan telah dimulakan pada 18 September 2012 di hadapan Puan Zauridah bt Omar @ Azizan, Pegawai Tenaga Kerja Kanan, Sungai Petani ("Pegawai Pendengar"). Pada 26 Februari 2013 Pegawai Pendengar telah memutuskan tindakan perayu membuat potongan wang pendahuluan perumahan daripada bayaran faedah penamatan kerja adalah tidak sah dan mengarahkan perayu membayar balik RM885,534.73 kepada semua responden (ms. (42) R.R. (ikatan A)).

[7] Perayu yang tidak berpuashati dengan keputusan Pegawai Pendengar telah memfailkan notis rayuan mengikut peruntukan s. 77 Akta itu di Pejabat Tenaga Kerja, Sungai Petani (ms. (446-447 RR (ikatan B)).

[8] Rayuan ini telah didaftarkan di mahkamah ini sebagai Rayuan Buruh No: 16NCvC-2-4-2013. Mahkamah ini ingin secara sepintas lalu menyentuh perubahan "mode" rayuan kepada Mahkamah Tinggi yang diperuntukkan bawah undang-undang bertulis (termasuk rayuan di bawah s. 77 Akta itu) diperuntukkan di bawah A. 55A Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ("KKM").

[9] Mahkamah ini berpendapat elok sekiranya diperturunkan peruntukan tersebut untuk kemudahan rujukan. Aturan 55A KKM memperuntukkan seperti berikut:

1. Rayuan kepada Mahkamah Tinggi di bawah undang-undang bertulis (A. 55A k. 1)

(1) Jika di bawah mana-mana undang-undang bertulis suatu rayuan dibuat daripada apa-apa keputusan mana-mana orang atau kumpulan orang kepada Mahkamah Tinggi rayuan itu hendaklah dibuat ke Mahkamah Tinggi di Negeri yang keputusan itu diberikan melalui **saman pemula** yang menyatakan alasan rayuan dan disokong dengan suatu afidavit, dan sekiranya Mahkamah mengarahkan sedemikian pada pendengaran rayuan itu, melalui keterangan lisan.

(2) Perayu hendaklah melampirkan dokumen yang berikut sebagai ekshibit kepada afidavit yang difailkan bagi menyokong saman pemula atau apa-apa afidavit lanjut sebagaimana yang boleh difailkan dalam prosiding rayuan itu:

(a) nota keterangan, sekiranya ada, yang direkodkan secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui cara mekanikal;

[A. 55A k. 1(2)(a) Am. PU(A) 286/2012: k. 7 – Prior text read – "(a) nota keterangan, sekiranya ada;"]

(b) alasan penghakiman, sekiranya ada;

(c) keputusan badan berkanun, sekiranya ada; dan

(d) semua ekshibit dokumentar dan dokumen lain yang pihak-pihak hendaklah menimbangkan relevan bagi maksud rayuan:

A Dengan syarat bahawa saman pemula hendaklah difailkan walaupun alasan keputusan belum didapati atau belum disediakan. Sekiranya alasan keputusan sudah boleh didapati, maka ia hendaklah difailkan dengan cara afidavit lanjutan tanpa kebenaran Mahkamah Tinggi.

B (3) Melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh mana-mana undang-undang bertulis, rayuan itu hendaklah difailkan dengan cara yang ditetapkan dalam perenggan (2) dalam satu bulan dari tarikh yang keputusan itu diberikan atau tarikh yang keputusan itu telah dimaklumkan kepada C orang yang merayu, mengikut mana-mana tarikh yang terkemudian.

(4) Melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh mana-mana undang-undang bertulis, saman pemula itu hendaklah disampaikan kepada responden dalam rayuan itu atau jika D responden merupakan suatu kumpulan orang, kepada setiausaha, pendaftar atau mana-mana pegawai lain kumpulan orang itu.

[10] Sebelum KKM berkuatkuasa, rayuan ke Mahkamah Tinggi E yang diperuntukkan bawah undang-undang bertulis ada diperuntukkan bawah A. 55 k. 13 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ("KKMT"). Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan tersebut sebagaimana berikut:

13. Rayuan daripada orang-orang atau kumpulan orang. F (A. 55, k. 13)

(1) Jika di bawah mana-mana undang-undang bertulis suatu rayuan boleh dibuat terhadap apa-apa keputusan oleh mana-mana orang atau kumpulan orang ke Mahkamah Tinggi maka rayuan sedemikian hendaklah dibuat ke Mahkamah G Tinggi di Negeri di mana keputusan itu telah diberikan **melalui usul** yang menyatakan alasan-alasan rayuan itu, dengan disokong oleh afidavit dan, jika Mahkamah mengarahkannya di pendengaran itu, oleh keterangan lisan.

H (2) Melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh mana-mana undang-undang bertulis, rayuan sedemikian hendaklah dibuat dalam masa satu bulan daripada tarikh keputusan itu diberi atau tarikh keputusan itu diberitahu kepada orang yang merayu, mengikut tarikh mana yang terkemudian.

I

(3) Melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh mana-mana undang-undang bertulis, notis usul itu hendaklah disampaikan kepada responden dalam rayuan itu atau jika responden ialah suatu kumpulan orang, kepada setiausaha, pendaftar atau mana-mana pegawai lain dalam kumpulan orang itu.

[11] Mahkamah ini telah mengamati perbezaan yang ketara antara KKM dan KKMT iaitu cara memfailkan rayuan. Mengikut KKMT rayuan difailkan melalui usul sebaliknya bawah KKM ianya perlu dimulakan melalui saman pemula. Mahkamah ini berpendapat Jawatankuasa Kaedah-Kaedah semasa mengubal KKM telah memperuntukkan peruntukan khusus melibatkan rayuan ke Mahkamah Tinggi yang diperuntukkan bawah undang-undang bertulis di bawah A. 55A KKM dan memilih saman pemula sebagai "mode" untuk merayu ke Mahkamah Tinggi.

[12] Mahkamah ini berpendapat elok sekiranya diteliti rayuan yang melibatkan keputusan Pegawai Pendengar ditetapkan di bawah s. 77 Akta itu. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s. 77 Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

(1) If any person whose financial interests are affected is dissatisfied with the decision or order of the Director General under section 69, 69B, 69C, 73 or subsection 81D(4) such person may appeal to the High Court.

[Prior text read – "(1) If any person whose financial interests are affected is dissatisfied with the decision or order of the Director General under section 69, 69B, 69C or 73 such person may appeal to the High Court."]

[Am. by Act A1026: s. 34; Am. by Act A1419: s. 25]

(2) Subject to any rules made under section 4 of the Subordinate Court Rules Act 1955, the procedure in an appeal to the High Court shall be the **procedure in a civil appeal from a Sessions Court with such modifications as the circumstances may require.**

[13] Sekiranya diteliti peruntukan s. 77 Akta itu telah menetapkan prosedur rayuan sivil dari Mahkamah Sesyen yang perlu dipatuhi dan ianya tidak selari dengan A. 55A KKM yang menetapkan rayuan difailkan melalui saman pemula. Mahkamah ini berpendapat prosedur rayuan sivil dari Mahkamah Sesyen berbeza dengan prosedur saman pemula. Prosedur rayuan daripada Mahkamah

Sesyen ada diperuntukkan bawah A. 49 KKM ianya menetapkan tempoh masa merayu 14 hari daripada tarikh keputusan dan ianya melibatkan keperluan membayar deposit RM1,000. Perayu juga perlu memfailkan memorandum rayuan. Sebaliknya di bawah A. 55A KKM tempoh merayu satu (1) bulan daripada tarikh keputusan (melainkan telah ditetapkan oleh undang-undang bertulis) dan tiada keperluan membayar deposit dan pemfailan memorandum rayuan.

[14] Persoalan seterusnya prosedur manakah yang perlu diikuti apabila melibatkan rayuan daripada Pejabat Tenaga Kerja sama ada peruntukan A. 55A KKM atau A. 55 KKM. Dalam erti kata lain peruntukan yang mana satu mengatasi di antara KKM dan Akta itu.

[15] Mahkamah ini telah merujuk kes *Abaco Estate v. Selvarajah Thamboo* [1985] 1 CLJ 84; [1985] CLJ (Rep) 362 yang mengupas secara mendalam isu yang sama yang melibatkan peruntukan A. 55 KKMT (pada ketika itu). Dalam kes *Abaco Estate (supra)* telah dihujahkan prosedur sepatutnya melalui usul pemula di bawah A. 55 KKMT dan bukannya melalui Borang 140 mengikut A. 49 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ("KKMR"). YA Wan Hamzah H (pada ketika itu) telah merumuskan seperti berikut:

> In my Judgment s. 77 (2) prevails over r. 13(1) because s. 77(2) has been enacted by Parliament and r. 13(1) has not been made by Parliament but merely by the Rules Committee.
>
> It is true that the Subordinate Court Rules 1980 have been made under s. 4 of the Subordinate Court Rules Act 1955, which provides to the effect that rules made under that section are subject to any rules of Court made under the Courts of Judicature Act 1964. Since the Rules of the High Court 1980 have been made under the Courts of Judicature Act 1964, the Subordinate Court Rules 1980 are subject to the Rules of the High Court 1980. But this does not mean that O. 55 r. 13(1) of the Rules of the High Court 1980 should be adopted in place of O. 49 r. 2(1) of the Subordinate Court Rules 1980, which provides:
>
> > Appeal to the High Court shall be brought by giving notice of appeal in Form 140.

[16] Mahkamah ini selanjutnya merujuk kes Mahkamah Agung (pada ketika itu) dalam kes *Syarikat Maltaco Sdn Bhd v. Eow Teh Yu & Ors* [1985] 2 CLJ 120; [1985] CLJ Rep) 307 yang telah membincangkan secara terperinci prosedur yang seharusnya diikuti apabila melibatkan rayuan di bawah s. 77 Akta itu seperti berikut:

> In our opinion the words "subject to any rules made under s. 4 of the Subordinate Courts Rules Act 1955" appearing at the commencement of s. 77(2) of the Employment Act are not surplusage. If it was not clear before it is clear now that with those words the intention of the Legislature is to abide by the procedure laid down by the Subordinate Courts Rules.
>
> The direction given in s. 77(2) was that the procedure in an appeal to the High Court shall be the procedure in a civil appeal from the Sessions Court. Having regard to s. 4(b) of the Subordinate Courts Rules Act 1955 the time within which any such appeal may be brought is clearly part of the procedure. Therefore the "modifications" referred to in s. 77(2) are only modifications as to form and not as to time. We also do not think that the words "subject to any rules of Court made under the Courts of Judicature Act 1964" appearing at the commencement of s. 4 of the Subordinate Courts Rules Act have any effect on O. 49 r. 2(3) of the Subordinate Courts Rules 1980 because of the clear words "unless otherwise provided by any written law" appearing at the commencement of O. 55 r. 13(c) of the High Court Rules 1980.
>
> We are therefore satisfied that it is clearly the intention of the Legislature that the procedure of appeal against the decision of the Director General under s. 69 of the Act shall be the procedure in a civil appeal from the Sessions Court as provided by O. 49 r. 2 of the Subordinate Courts Rules 1980 and not O. 55 r. 13 of the High Court Rules 1980.

[17] Secara ringkasnya prosedur yang perlu diikuti apabila terdapat rayuan ke Mahkamah Tinggi melibatkan keputusan Pejabat Tenaga Kerja di bawah s. 77 Akta itu, prosedur rayuan sivil daripada Mahkamah Rendah yang diperuntukkan di bawah A. 55 KKM masih terpakai dan bukannya secara saman pemula mengikut A. 55A KKM.

[18] Mahkamah akan beralih kepada rayuan yang dikemukakan oleh perayu terhadap keputusan Pegawai Pendengar. Perayu telahpun menyatakan dalam memorandum rayuan (ms (1)-(3) RR

(ikatan A)) perkara-perkara yang dirayu di mahkamah ini. Mahkamah ini telah meneliti penghujahan yang difailkan oleh kedua-dua pihak dan isu-isu utama yang perlu diputuskan ialah:

(i) Pegawai Pendengar telah tersilap didalam keputusannya apabila memutuskan bayaran faedah penamatan kerja tidak termasuk dalam takrifan "upah" bagi maksud seksyen 2 Akta itu dan ianya tidak boleh dipotong bagi maksud wang pendahuluan pinjaman rumah responden-responden;

(ii) Terdapat responden-responden yang menerima gaji melebihi RM2,000.00 dan ianya tidak termasuk didalam takrifan "pekerja" bagi maksud Akta itu dan perayu boleh membuat potongan wang pendahuluan pinjaman rumah daripada bayaran faedah penamatan kerja.

Bagi Isu (i)

[19] Responden-responden tidak mempertikaikan ada menerima wang pendahuluan perumahan pada kadar sebuah rumah RM10,000 atau/dan dua buah rumah RM20,000. Pendahuluan pinjaman perumahan ini diberikan oleh Perwaja Realty & Development Sdn Bhd tanpa kadar faedah bagi tujuan membantu pekerja-pekerja memiliki rumah sendiri. Responden-responden telahpun menandatangani "Perjanjian Kontrak" dan "Perjanjian Jual Beli" (sebagai contohnya di ms. (313)-(319) RR (ikatan B) dan ms. (424)-(435) RR (ikatan B) bagi tujuan wang pendahuluan perumahan yang diberikan. Peguam perayu yang terpelajar telah merujuk keputusan Pegawai Pendengar di ms. (31)-(34) RR ikatan A di mana beliau telah bersetuju responden-responden terikat dengan terma-terma dalam "Perjanjian Kontrak" yang ditandatangani. Responden-responden faham terma termasuk potongan upah. Perayu juga telah mengambilalih segala hak dan tanggungan daripada Perwaja Steel dan ianya berhak membuat potongan pendahuluan wang perumahan. Pegawai Pendengar di ms 34 RR ikatan A telah memutuskan bayaran akhir penamatan tidak termasuk upah.

[20] Peguam perayu yang terpelajar telah menghujahkan bawah s. 22(i)(a) dan (b) Akta itu membenarkan majikan memberikan wang pendahuluan kepada pekerja termasuklah wang pendahuluan perumahan yang menjadi isu pertikaian sekarang ini. Selanjutnya dihujahkan di bawah s. 24(2)(c) Akta itu membenarkan majikan membuat potongan pendahuluan yang diperuntukkan di bawah

s. 22 Akta itu. Mahkamah ini turut dibawa perhatian kepada peruntukan di bawah s. 24 (8) Akta itu yang melarang potongan upah melebihi 50% daripada upah yang diterima. Sebaliknya mengikut peruntukan di bawah s. 24 (9) larangan yang ditetapkan bawah s. 24 (8) Akta itu tidak terpakai sekiranya melibatkan "final payment of wages". Peguam perayu yang terpelajar seterusnya menghujahkan bayaran faedah penamatan kerja yang tidak termasuk dalam takrifan "upah" dan ini membolehkan perayu membuat potongan wang pendahuluan perumahan daripada "final payment of wages". Perayu juga menghujahkan responden-responden secara kontrak bertanggungjawab membayar balik wang pendahuluan perumahan tanpa kadar faedah yang telah diterimanya. Kehendak undang-undang dan ekuiti menuntut responden-responden untuk membayar balik pinjaman perumahan yang dinikmatinya selepas perkhidmatannya ditamatkan.

[21] Sebaliknya peguam responden-responden yang terpelajar telah menyokong keputusan Pegawai Pendengar apabila memutuskan bayaran faedah penamatan kerja-kerja Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-Faedah Penamatan Dan Rentikerja Sentara) 1980 tidak termasuk "upah" dan ianya tidak boleh digunakan untuk mendapatkan semula wang pendahuluan perumahan mengikut peruntukan s. 24 Akta itu.

[22] Mahkamah ini akan menyentuh isu yang dihujahkan oleh peguam perayu. Mahkamah ini bersetuju dengan keputusan Pegawai Pendengar yang memutuskan bayaran faedah penamatan kerja tidak termasuk dalam takrifan "upah" seperti yang ditakrifkan di bawah s. 2 Akta itu. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s. 2 Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> "wages" means basic wages and all other payments in cash payable to an employee for work done in respect of his contract of service **but does not include**:
>
> [Am. by Act A716]
>
> (a) the value of any house accommodation or the supply of any food, fuel, light or water or medical attendance, or of any approved amenity or approved service;
>
> (b) any contribution paid by the employer on his own account to any pension fund, provident fund, superannuation scheme, retrenchment, *termination, lay-off* or retirement scheme, thrift scheme or any other fund or scheme established for the benefit or welfare of the employee;

(c) any travelling allowance or the value of any travelling concession;

(d) any sum payable to the employee to defray special expenses entailed on him by the nature of his employment;

(e) any gratuity payable on discharge or retirement; or

(f) any annual bonus or any part of any annual bonus;

Mahkamah ini berpendapat bayaran faedah penamatan kerja tidak termasuk takrifan "upah" sebagaimana yang diperuntukkan di para. (b).

[23] Mahkamah ini telah meneliti peruntukan di bawah s. 22(1) Akta itu yang telah memperincikan majikan boleh memberikan pendahuluan bagi tujuan-tujuan tertentu iaitu item (a) hingga (f). Dalam konteks kes di hadapan mahkamah sekarang ialah bagi wang pendahuluan perumahan yang telah diberikan kepada responden-responden. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan tersebut.

No employer shall during any one month make to an employee an advance or advances of wages not already earned by such employee which exceeds in the aggregate the amount of wages which the employee earned in the preceding month from his employment with such employer, or if he has not been so long in the employment of such employer, the amount which he is likely to earn in such employment during one month, unless such advance is made to the employee:

(a) **to enable him to purchase a house or to build or improve a house;**

(b) **to enable him to purchase land;**

(c) (Deleted by Act A1419:s.5)

[Prior text read – "(c) to enable him to purchase livestock;"]

(d) to enable him to purchase a motorcar, a motorcycle or a bicycle;

(da) to enable him to purchase shares of the employer's business offered for sale by the employer;

[(da) Ins. by Act A1026:s.7]

(db) to enable him to purchase a computer;

(dc) to enable him to pay for medical expenses for himself or his immediate family members;

(dd) to enable him to pay for daily expenses pending receipt of any periodical payments for temporary disablement under the Employees' Social Security Act 1969 [Act 4];

(de) to enable him to pay for educational expenses for himself or his immediate family members;

(e) for any other purpose:

(i) in respect of which an application in writing is made by the employer to the Director General;

(ii) which is, in the opinion of the Director General, beneficial to the employee; and

(iii) which is approved in writing by the Director General, provided that in granting such approval, the Director General may make such modifications thereto or impose such conditions thereon as he may deem proper;

(f) for such other purpose as the Minister may, from time to time, by notification in the Gazette, specify either generally in respect of all employees, or only in respect of any particular employee, or any class, category or description of employees.

(2) For the purposes of this section, "immediate family members" means the employees' parents, children, siblings or any other person under the employee's guardianship.

[24] Mahkamah ini berpendapat majikan dibenarkan membuat potongan daripada upah pekerja bagi wang pendahuluan yang diberikan di bawah s. 22 Akta itu. Mahkamah ini berpendapat responden-responden telah bersetuju dengan terma-terma dalam "Perjanjian Kontrak". Terma 3 menyatakan:

> Pekerja berakujanji bahawa di atas persetujuan Majikan memberi Wang Pendahuluan tersebut, sejumlah RINGGIT MALAYSIA DUA RATUS (RM200.00) sahaja sebulan akan dipotong dari gaji Pekerja bermula selepas LIMA (5) TAHUN dari tarikh Perjanjian Jual Beli tersebut.

[25] Mahkamah ini telah meneliti "Perjanjian Kontrak", perayu terikat dengan terma 6 iaitu apabila "pekerja berhenti atau diberhentikan oleh Majikan" dan cara pembayaran ditetapkan dalam terma 7 dan 8 dan ianya tidak melibatkan potongan upah responden-responden. "Perjanjian Kontrak" hanya menetapkan persaraan awal secara sukarela ("VSS") dan sebarang baki wang pendahuluan boleh ditolak dari wang pampasan persaraan awal secara sukarela (Terma 10). Malangnya "Perjanjian Kontrak" tidak memperuntukkan keadaan apabila perayu menghentikan operasinya.

[26] Perayu nampaknya cuba bergantung kepada peruntukan s. 24(8) dan (9) Akta itu dan menghujahkan bayaran faedah penamatan kerja tidak termasuk "upah" dan ianya dibenarkan dibuat potongan untuk wang pendahuluan perumahan khususnya di bawah s. 24(9)(b) Akta itu. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s. 24 Akta itu seperti berikut:

> 24. (1) No deductions shall be made by an employer from the wages of an employee otherwise than in accordance with this Act.
>
> (2) It shall be lawful for an employer to make the following deductions:
>
> (a) deductions to the extent of any overpayment of wages made during the immediately preceding three months from the month in which deductions are to be made, by the employer to the employee by the employer's mistake;
>
> (b) deductions for the indemnity due to the employer by the employee under section 13(1);
>
> (c) deductions for the recovery of advances of wages made under section 22 provided no interest is charged on the advances; and
>
> (d) deductions authorized by any other written law.
>
> (3) The following deductions shall only be made at the request in writing of the employee:
>
> (a) deductions in respect of the payments to a registered trade union or co-operative thrift and loan society of any sum of money due to the trade union or society by the employee on account of entrance fees, subscriptions, instalments and interest on loans, or other dues; and

(b) deductions in respect of payments for any shares of the employer's business offered for sale by the employer and purchased by the employee.

(4) The following deductions shall not be made except at the request in writing of the employee and with the prior permission in writing of the Director General:

(a) deductions in respect of payments into any superannuation scheme, provident fund, employer's welfare scheme or insurance scheme established for the benefit of the employee;

(b) deductions in respect of repayments of advances of wages made to an employee under section 22 where interest is levied on the advances and deductions in respect of the payments of the interest so levied;

(c) deductions in respect of payments to a third party on behalf of the employee;

(d) deductions in respect of payments for the purchase by the employee of any goods of the employer's business offered for sale by the employer; and

(e) deductions in respect of the rental for accommodation and the cost of services, food and meals provided by the employer to the employee at the employee's request or under the terms of the employee's contract of service.

(5) The Director General shall not permit any deduction for payments under paragraph (4)(e) unless he is satisfied that the provision of the accommodation, services, food or meals is for the benefit of the employee.

(6) Where an employee obtains foodstuff, provisions or other goods on credit from a shop the business of which is carried on by a co-operative society registered under the Co-operative Societies Act 1993 [Act 502], it shall be lawful for his employer, at the request in writing of the employee and with the agreement of the manager of the co-operative shop, to make deductions from the wages of the employee of an amount not exceeding the amount of the credit and to pay the amount so deducted to the manager in satisfaction of the employee's debt.

A (7) Notwithstanding subsections (2), (3), (4) and (6) the Director General, on an application by an employer or a specified class or classes of employers, may permit any deduction for a specified purpose from the wages of an employee or a specified class or classes of employees subject to such conditions as he may deem fit to impose.

B (8) The total of any amounts deducted under this section from the wages of an employee in respect of any one month shall not exceed fifty per centum of the wages earned by that employee in that month.

C (9) The limitation in subsection (8) shall not apply to:

(a) deductions from the indemnity payable by an employer to an employee under section 13(1);

D (b) deductions from the final payment of the wages of an employee for any amount due to the employer and remaining unpaid by the employee on the termination of the employee's contract of service; and

E (c) deductions for the repayment of a housing loan which, subject to the prior permission in writing of the Director General, may exceed the fifty per centum limit by an additional amount of not more than twenty-five per centum of the wages earned.

[27] Mahkamah ini dengan hormatnya tidak bersetuju dengan F hujahan peguam perayu yang terpelajar iaitu peruntukan s. 24(9)(b) Akta itu membenarkan perayu memotong wang pendahuluan perumahan daripada bayaran faedah penamatan yang diterima oleh responden-responden. Mahkamah ini bersetuju dengan keputusan Pegawai Pendengar dan hujahan peguam responden-responden G yang terpelajar dalam aspek ini. Peruntukan s. 24(9)(b) Akta itu dengan jelas menyatakan "... final payment of the wages of an employee ...". Mahkamah ini berpendapat perkataan "wages" tersebut tidak termasuk bayaran faedah penamatan kerja.

H **[28]** Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam responden-responden yang terpelajar iaitu perayu boleh mendapatkan semula bayaran wang pendahuluan perumahan itu melalui tindakan sivil dan bersandarkan "Perjanjian Kontrak". Perayu tidak boleh memilih jalan mudah atau pintas dengan mengambil kesempatan daripada I bayaran faedah penamatan dan membuat potongan berkenaan. Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan peguam perayu yang

terpelajar iaitu mengikut undang-undang dan ekuiti, pihaknya berhak membuat potongan yang menjadi isu pertikaian. Mahkamah ini ingin meminjam kata-kata YA Abdul Hamid Mohamad HMP (pada ketika itu) dalam kes *Robert Lee @ Robert Seet & Anor v. Wong Ah Yap & Anor* [2007] 4 CLJ 1; [2007] 4 MLJ 393 yang menyatakan:

> It is true that the courts, through its decisions try to arrive 'fair and just' results. But it can only do so within the confines of the law, not through some general and vague sense of fairness and justice …

Bagi Isu (ii)

[29] Peguam perayu yang terpelajar telah menghujahkan responden nombor 5, 12, 21, 25, 26, 45, 83, 85, 92, 96, 100, 108, 112, 114 dan 117 (ms. (43)-(45) RR (ikatan A)] berpendapatan melebihi RM2,000 sebulan dan mereka tidak termasuk dalam takrifan "pekerja" bagi maksud s. 2 Akta itu. Sehubungan dengan itu peruntukan s. 24 Akta itu tidak terpakai atas perayu dan ianya dibenarkan membuat potongan wang pendahuluan perumahan daripada bayaran akhir faedah penamatan pekerja. Sebaliknya peguam responden-responden yang terpelajar menghujahkan perayu tidak boleh membangkitkan isu ini kerana ianya tidak dibangkitkan di hadapan Pegawai Pendengar dan buat pertama kalinya di hadapan mahkamah ini. Mahkamah ini dirujukkan kes *Chai Yen v. Bank Of America National Trust & Savings Association* [1980] 1 LNS 6; [1980] 2 MLJ 142 yang memperincikan prinsip yang melibatkan pengemukaan keterangan baru "fresh evidence". Peguam perayu yang terpelajar tidak membalas hujahan ini dan mahkamah ini perlu menimbangkan sendiri isu yang dibangkitkan oleh peguam responden-responden yang terpelajar.

[30] Mahkamah ini berpendapat rayuan oleh perayu mengikut peruntukan s. 77 Akta itu adalah mengikuti prosedur rayuan sivil daripada Mahkamah Sesyen iaitu A. 55 KKM. Mahkamah ini seolah-olah mendengar rayuan sivil daripada Mahkamah Rendah iaitu secara "re-hearing" sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 29 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ("AMK"). Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan tersebut:

A **29. Civil appeals to be by way of re-hearing**

All civil appeals from a subordinate court shall be by way of re-hearing, and the High Court shall have the like powers and jurisdiction on the hearing of appeals as the Court of Appeal has on the hearing of appeals from the High Court.

B

[31] Mahkamah ini berpendapat peguam perayu yang terpelajar masih boleh membangkitkan isu ini walaupun ianya tidak dibangkitkan di hadapan Pegawai Pendengar berdasarkan peruntukan s. 29 AMK. Mahkamah ini telah meneliti memorandum C rayuan di ms (3) RR Ikatan A yang ada menyatakan isu ini. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan seperti berikut:

6. Pegawai Buruh sepatutnya tidak melayan tuntutan-tuntutan atau membuat apa-apa perintah dari Responden-Responden/Pekerja-Pekerja yang mempunyai upah bulanan melebihi RM2,000.00.

D

[32] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam perayu yang terpelajar mengikut takrifan "pekerja" bagi s. 2 Akta itu ianya tidak termasuk pekerja yang mendapat upah melebihi RM2,000 sebagaimana responden-responden yang dinyatakan sebelum ini. E Mahkamah ini membenarkan rayuan oleh perayu terhad kepada responden-responden yang dinyatakan sebelum ini. Keputusan Pegawai Pendengar yang diberikan pada 26 Februari 2013 diketepikan setakat isu ini.

F **[33]** Mahkamah ini memerintahkan masing-masing menanggung kos rayuan ini.

G

H

I